

MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Mohd Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhammad
Rahmah Yahya

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 867-878. ISBN 99917-44-89-4.

ABSTRACT

Pengajaran bahasa arab dewasa kini telah berkembang dengan pesat. Pelbagai tokoh bahasa Arab telah tampil dengan membawa pelbagai model pengajaran bahasa arab. Kertas kerja ini akan membincangkan model pengajaran bahasa arab yang menyentuh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran, konsep teori dalam pengajaran dan pembelajaran, konsep pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa arab serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa arab. Setiap tajuk akan dibincang secara terperinci untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran bahasa arab ini.

REFERENCES

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ahmad Kilani Mohamed (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*, Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Shah Alam, Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Sulaiman Ngah Razali (1997). *Pedagogi Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mok Soon Sang (1993). *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran-Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Tesis: Noorzawani Zainal (2006), *Persepsi Pelajar Tahun 3 Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab*, UTM, Projek Sarjana Muda.
- Ee Ah Meng (1996). *Pedagogi III Pengujian dan Penilaian, Pemuliharaan Pegayaan dan Pendidikan Inklusif*, Shah Alam, Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mohammad Marwan Ismail, Wan Moharani bin Mohamad (2009), *Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*, Nilai: USIM
- Ee Ah Meng (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamarudin Bin Jaffar. 2011. *Kaedah Mengajar Bahasa Arab*, <http://www.ppdkerian.edu.my/portal/modules.php?name=News&file=article&sid=200>, [29.9.2011]
- Mohd Anuar Ibrahim. 2000. *Teori Pembelajaran dan Pengajaran*. Tugasan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, <http://www.scribd.com/doc/6245367/Model-Pengajaran-Dalam-Bilik-Dariah-Mohd-Anuar>, 18 Feb. 2012.

MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Mohd Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhammad
Rahmah Yahya

Abstrak

Pengajaran bahasa arab dewasa kini telah berkembang dengan pesat. Pelbagai tokoh bahasa arab telah tampil dengan membawa pelbagai model pengajaran bahasa arab. Kertas kerja ini akan membincangkan model pengajaran bahasa arab yang menyentuh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran, konsep teori dalam pengajaran dan pembelajaran, konsep pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa arab serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa arab. Setiap tajuk akan dibincang secara terperinci untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan model pengajaran dan pembelajaran bahasa arab ini.

PENGENALAN

Tugas utama seorang guru adalah untuk memudahkan *pembelajaran* semua pelajar. Justeru itu, dalam memenuhi tugas tersebut, para guru atau pengajar bukan sahaja dapat menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka harus juga mencipta satu pengajaran yang berkesan. Ini bermakna guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat merangsang minat pelajar disamping memikirkan keperluan pelajar.

Guru-guru sedaya upaya mengajar dengan berkesan. Ada guru yang berjaya menghasilkan pembelajaran yang baik tetapi ada pula yang gagal. Kegagalan ini mungkin disebabkan kurangnya penekanan terhadap pemilihan kaedah atau keupayaan pelajar seperti kognitif, personal, sosial dan psikomotor. Oleh itu guru efektif dianggap sebagai satu tindakan profesional oleh orang terlatih untuk membangunkan diri pelajar dari segi kognitif sosial dan psikomotor.

Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan pelajar yang berbeza dari segi kebolehan mereka. Dalam hal ini, ianya memerlukan kepakaran guru dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran Bahasa Arab. Ini bermakna, guru boleh menentukan pendekatan, memilih model atau kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar. Strategi yang dipilih itu, selain berpotensi memerangsangkan pelajar belajar secara aktif, ia juga mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik hati pelajar serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna.

Usaha menitik beratkan kaedah dan pembelajaran juga dinyatakan oleh Abdullah Ishak (1989), pembentukan kurikulum yang bersepadu, samada kurikulum umum mahupun kurikulum Pendidikan Islam khususnya tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah dan pembelajaran tidak diberi keutamaan. Dari perspektif Islam, penghayatan dan penguasaan ilmu serta pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian guru, malahan berpunca dari kurikulum yang lengkap serta disokong dan dibantu oleh kaedah pembelajaran yang sempurna.

MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Model atau rekabentuk pengajaran adalah satu proses yang pada dasarnya digunakan untuk memperkembangkan pelbagai jenis teknik pengajaran dan bahan-bahan alat bantu pengajaran. Model dan rekabentuk pengajaran dapat didefinisikan sebagai satu proses sistematik bagi merancang, memperkembangkan, melaksana dan menilai pengajaran. Terdapat pelbagai model pengajaran pada masa kini. Setiap model pengajaran memberikan pandangan yang berbeza tentang pengajaran dan ianya mempengaruhi guru-guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Al Syaibani (1979) dalam tesis Noorzawani Zainal (2006), menegaskan, dalam memilih kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

“...tiada satu metod pengajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan semua matapelajaran. Begitu juga tiada pengkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metod yang sesuai dalam tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar, serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar-pelajar.”

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa, guru perlu berperanan secara bijak dalam memilih kaedah pengajaran kepada pelajar. Ini untuk memastikan tujuan pendidikan yang diinginkan dan tujuan pelajaran yang hendak dicapai dapat dilaksanakan bagi mencapai tahap kecemerlangan setiap pelajar.

Dalam pengajaran, guru perlu merancang satu siri aktiviti pembelajaran yang akan membawa perubahan-perubahan yang diinginkan. Dalam perancangan seperti ini, guru perlulah jelas dengan perubahan yang dikehendaki, jenis pengetahuan yang hendak diperolehi oleh pelajar, jenis kemahiran yang harus dibentuk dan perubahan-perubahan sikap yang hendak dicapainya. Perancangan ini akan melibatkan pemilihan kaedah-kaedah dan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan pencapaian objektifnya.

Untuk memahami proses pengajaran yang lebih mendalam, maka beberapa model pengajaran perlu dikaji. Model pengajaran akan menunjukkan saling kaitan di antara unsur-unsur pengajaran dan pembelajaran. Tidak semua model pengajaran moden sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Ini bergantung kepada kesesuaian pemilihan kaedah serta strategi pembelajaran dan objektif yang hendak dicapai.

Kejayaan seorang pelajar adalah pengukuran kepada tahap keupayaan guru dalam melaksanakan tugas mereka dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, setiap guru perlulah menghayati setiap model pembelajaran yang telah dihasilkan oleh pakar-pakar pendidikan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antaranya ialah Model Inkuiri, Model Latihan Terus, Model Pengajaran Taba, Model Pengajaran Sim, dan Model Pengajaran Robert Glaser.

Model Pengajaran Robert Glaser

Robert Glaser mengemukakan model pengajarannya dengan membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu *objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar* dan *penilaian*. Beliau juga menekankan maklum balas pelajar sebagai aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Kemudian, kaedah mengajar juga harus dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar. Seterusnya, penilaian harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran dengan tujuan untuk mengesan kelemahan, agar guru dapat mengubahsuai proses pengajarannya demi meningkatkan keberkesanan pengajaran pada masa hadapan.

Kesimpulannya, Model Pengajaran Robert Glaser dibina berlandaskan sebagai suatu proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas.

Model Pengajaran Sim

Model Pengajaran Sim pula menjelaskan bahawa proses pengajaran yang berlaku adalah melalui interaksi di antara beberapa unsur iaitu guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif. Model ini dibina berlandaskan konsep pengajaran sebagai bidang komunikasi, iaitu interaksi di antara guru dan murid dengan objektif dan isi pelajaran dalam satu persekitaran tertentu. Berdasarkan model ini, objektif dan isi pelajaran harus ditentukan secara eksplisit dan mengikut keupayaan murid. Apa yang membezakan model ini dengan Model Glaser ialah Model Sim menekankan perhubungan yang baik antara guru dengan murid supaya menimbulkan interaksi yang sihat dan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Model ini juga memberi penekanan kepada unsur-unsur persekitaran seperti keadaan bilik darjah yang kondusif sesuai dengan keadaan sosio-ekonomi dan budaya pelajar.

Kesimpulannya, dengan pertimbangan-pertimbangan tersebut, interaksi di antara guru, pelajar, objektif, isi pelajaran dan persekitaran dapat diwujudkan dengan berkesan. Seterusnya keberkesanan proses pengajaran akan dapat dicapai ke tahap optimum.

Model Pengajaran Taba

Dalam Model Pengajaran Taba, ianya menekankan penyusunan bahan-bahan pengajaran dalam suatu sistem yang sesuai yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Penyusunan maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah diutamakan dalam model ini. Model ini menerangkan bahawa seseorang pelajar melakukan operasi kognitif ke atas bahan pengajaran atau pemilihan sesuatu konsep haruslah dilakukan melalui empat peringkat seperti berikut; menyusun data atau fakta dengan memerhati ciri-ciri persamaan dan perbezaan, menggolong dan mengelas fakta-fakta menjadi kategori dan memberi label kepadanya, membuat generalisasi atas kesimpulan atas hubungan-hubungan antara kategori-kategori itu dan mengaplikasi generalisasi yang diperolehi.

Kesimpulannya, dengan merujuk model ini, guru dapat merancang pengajaran dengan membahagikan topik kepada generalisasi, konsep dan fakta-fakta yang berguna untuk menentukan kaedah pengajaran yang sesuai.

Model Latihan Terus

Model ini merupakan satu model pengajaran yang bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari ilmu pengetahuan atau kemahiran asas yang boleh diajar dengan cara langkah demi langkah. Model ini juga dikenali sebagai 'Model Latihan' dan 'Model Pengajaran Aktif. Model ini dibentuk khas untuk merangsang pembelajaran pelajar berkaitan pengetahuan berprosedur (*procedural knowledge*) yang memerlukan pengajaran langkah demi langkah. Model ini menekankan aspek pemerhatian pelajar terhadap apa yang ditunjukkan oleh guru sebelum pelajar melakukannya semula.

Model Inkuiri

Model ini merangkumi segala proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan atau daripada masalah yang dikemukakan. Aktiviti soal selidik ini memerlukan pelajar mengenal pasti soalan bermasalah, membentuk hipotesis, merancang aktiviti kajian, menjalankan kajian atau siasatan dan seterusnya mendapatkan jawapan dan membuat rumusan. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terdapat dua jenis teknik inkuiri iaitu 'inkuiri terbimbing' dan 'inkuiri terbuka'. *Inkuiri terbimbing* memerlukan guru membimbing pelajar menjalankan segala proses kajian. Inkuiri jenis ini sesuai dilaksanakan pada peringkat rendah dan menengah. Dalam *inkuiri terbuka*, pelajar tidak diberi sebarang bimbingan. Segala proses kajian dijalankan oleh pelajar sendiri. Oleh itu, ianya sesuai dilaksanakan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti di universiti dan di IPTA. Kesimpulannya, model inkuiri ini amat berguna bagi mendapatkan maklumat dan pengetahuan baru dalam pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan.

KONSEP TEORI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Teori ialah prinsip kasar yang menjadi dasar pembentukan sesuatu ilmu pengetahuan. Ia juga merupakan satu rumusan daripada pengetahuan sedia ada yang memberi panduan untuk menjalankan penyelidikan dan mendapatkan maklumat baru. Pada asasnya, teori-teori pembelajaran masa kini boleh diklasifikasikan kepada empat mazhab yang utama iaitu *behavioris*, *kognitif*, *social* dan *humanis*. Teori-teori tersebut boleh juga diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Antara teori-teori tersebut adalah seperti:

Teori Behavioris

Mazhab *behavioris* yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov dan dikembangkan oleh Thorndike dan Skinner, berpendapat bahawa pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku, dilakukan ke atas haiwan seperti tikus, kucing dan burung di dalam makmal. Mereka menumpukan ujian kepada perhubungan antara 'rangsangan' dan 'gerakbalas' yang menghasilkan perubahan tingkahlaku. Secara umumnya teori behavioris menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran akan mempengaruhi segala perbuatan dan tingkah laku pelajar sama ada baik atau sebaliknya. Teori ini juga menjelaskan bahawa tingkah laku pelajar boleh diperhatikan, dikawal dan diramal.

Teori Kognitif

Mazhab *kognitif* pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah suatu proses dalaman yang berlaku dalam akal. Ujian dan tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku. Ahli-ahli psikologi kognitif seperti Bruner dan Piaget menumpukan kajian kepada pelbagai jenis pembelajaran dalam proses penyelesaian masalah dan celik akal mengikut pelbagai peringkat umur dan kebolehan pelajar. Teori-teori pembelajaran mereka adalah tertumpu kepada cara pembelajaran seperti pemikiran celik akal, kaedah penyelesaian masalah, penemuan dan pengkategorian. Menurut teori ini, manusia memiliki struktur kognitif dan semasa proses pembelajaran, otak akan menyusun segala maklumat di dalam ingatan.

Teori Sosial

Mazhab *sosial* pula menyarankan teori pembelajaran dengan menggabungkan teori mazhab *behavioris* bersama dengan mazhab *kognitif*. Teori ini juga dikenali sebagai *Teori Perlakuan Model*. Albert Bandura, seorang tokoh mazhab *sosial* ini menyatakan bahawa proses pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan menggunakan pendekatan '*permodelan*'. Beliau menjelaskan lagi bahawa aspek pemerhatian pelajar terhadap apa yang disampaikan atau dilakukan oleh guru dan juga aspek peniruan oleh pelajar akan dapat memberikan kesan yang optimum kepada kefahaman pelajar.

Teori Humanisme

Mazhab *humanis* pula berpendapat pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaannya. Seorang ahli mazhab ini, Carl Rogers menyatakan bahawa setiap individu itu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Oleh itu strategi dan pendekatan dalam proses pembelajaran hendaklah dirancang dan disusun mengikut kehendak dan perkembangan emosi pelajar itu. Beliau juga menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai potensi dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan sendiri. Maka, guru hendaklah menjaga sendiri pelajar dan memberi bimbingan supaya potensi mereka dapat diperkembangkan ke tahap optimum.

Bagi memastikan pengajaran yang berkesan, seseorang guru hendaklah menguasai kaedah-kaedah pengajaran, pengetahuan yang mendalam tentang isi pelajaran yang hendak disampaikan, mengetahui ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan juga hasrat yang terkandung di sebaliknya kurikulum yang disediakan. Guru seharusnya mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajaran bagi melengkap dan menambahkan ilmu serta kemahiran kepada pelajar.

Kelebihan gaya pembelajaran membantu kesesuaian cara pengajaran, bagi menghasilkan pencapaian akademik terbaik dikalangan pelajar. Kepelbagaian gaya pelajar belajar memerlukan guru menggunakan berbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan melalui kaedah pendekatan.

Terdapat dua prinsip utama dalam memilih strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran. Prinsip pertama ialah kaedah atau strategi pengajaran perlu dirancang. Perancangan yang tidak dirancang akan membawa akibat pengajaran yang tidak berpandu kepada objektif-objektif pembelajaran. Ini akan memberi kesan pembaziran masa pembelajaran pelajar. Oleh kerana masa merupakan komoditi yang berharga dan terhad kepada guru dan pelajar, perancangan dalam strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu kerana ia boleh memaksimumkan penggunaan masa yang diperuntukkan secara berkesan dan meminimumkan aktiviti-aktiviti yang tidak produktif.

Prinsip kedua yang dimaksudkan ialah kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran mesti bersifat fleksibel. Dalam konteks ini kita memang tidak dapat menetapkan apakah kaedah yang paling baik dan berkesan serta praktikal. Ini disebabkan factor perbezaan latar belakang guru, pelajar dan topik mata pelajaran. Walaupun begitu kita perlu memilih dan memberi pertimbangan positif terhadap kesan-kesan penggunaan kaedah pengajaran kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran.

Frosting dan Maslow (1973) dalam buku Mok Soon Sang (1993), berpandangan di dalam memilih strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran, guru-guru hendaklah sendasa memikirkan cara untuk menjamin penglihatan pelajar dan interaksi kelas yang aktif bagi memungkinkan pembelajaran lebih berkesan dan efisien. Beliau juga menyarankan bahawa pembelajaran yang berkualiti dapat dicapai sekiranya guru memiliki pengetahuan dan kefahaman yang luas dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Dunn & Dunn (1978) menunjukkan kebanyakan kelas, guru gagal mengenalpasti kemahuan pelajar, tetapi apabila mereka mengetahui motivasi pelajar, pencapaian pelajar akan bertambah nyata. Ia amat penting kepada guru, bukan sahaja ia dapat memahami gaya pembelajaran pelajar, tetapi juga dalam masa yang sama dapat mengetahui gaya pengajaran guru itu sendiri.

KONSEP PENDEKATAN, STRATEGI, KAEDAH DAN TEKNIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Dalam membincangkan tajuk ini, definisi difokuskan kepada konsep pendekatan konsep strategi konsep kaedah konsep teknik bagi memahami perbezaan makna antara kalimah tersebut.

Konsep Pendekatan

Konsep pendekatan bermakna cara mendekati sesuatu. Dalam konteks pengajaran, pendekatan lebih menjurus kepada pencapaian objektif jangka panjang sesuatu pelajaran. Menurut Edward MAnthony (1963), pendekatan ialah satu set andaian yang saling berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai unsur aksiomatik iaitu kenyataannya dianggap benar tanpa memerlukan sebarang bukti atau alasan. Beliau juga merumuskan pendekatan harus berlandaskan kepada model, prinsip atau teori pembelajaran tertentu. Pendek kata, pendekatan di dalam pendidikan merujuk kepada satu set teori pembelajaran yang beraksiomatik dan diamalkan dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran berdasarkan kepada objektifnya.

Di dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, suatu pendekatan itu wujud berasaskan tanggapan-tanggapan dan pandangan yang berasaskan kepada falsafah pendidikan Islam itu sendiri. Pendekatan dalam pendidikan Islam haruslah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran.

Konsep Strategi

Konsep strategi lebih merujuk kepada kebijaksanaan dalam memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam satu-satu pengajaran berdasarkan objektif pelajaran yang ditentukan. Dengan perkataan lain, strategi pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada penentuan dan perancangan kaedah dan teknik mengajar untuk mencapai objektif jangka panjang sesuatu pendekatan. Pemilihan dan pengurusan strategi yang sesuai akan menghasilkan objektif yang berkesan.

Konsep Kaedah

Berlainan dengan pendekatan, kaedah merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran spesifik dalam jangka pendek. Dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya pembelajaran bahasa, terdapat banyak kaedah yang popular yang boleh diamalkan seperti kaedah penyelidikan, kaedah sokratif, kaedah induktif, kaedah dapatan dan kaedah projek.

Konsep Teknik

Dalam konteks pendidikan, teknik adalah merupakan unit kecil yang terkandung di dalam kaedah atau tingkah laku guru tersebut. Sesuatu teknik dapat dikenal pasti melalui tingkah laku guru iaitu aktiviti yang dilaksanakan serta kemahiran yang ada padanya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Di antara-teknik-teknik mengajar yang biasanya digunakan oleh guru ialah seperti teknik bercerita yang mana ianya dapat menarik minat pelajar terhadap isi pelajaran atau teknik menyoal yang sering digunakan dalam aspek kefahaman. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, banyak teknik yang baik dan sesuai yang boleh diguna pakai seperti hafazan, latih tubi, tunjuk cara, syarahan, soal jawab dan bercerita.

Tujuan menggunakan berbagai-bagai teknik mengajar dalam situasi pembelajaran ialah untuk menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian serta membangkitkan rasa ingin tahu pelajar supaya objektif pengajaran guru tercapai. Teknik pengajaran haruslah bersesuaian dengan isi pelajaran, minat, umur pelajar, latar belakang, alat bantu mengajar serta pemilihan kaedah yang bertepatan. Pemilihan teknik yang sesuai juga berkait rapat dengan tahap atau aras kemahiran objektif pelajaran.

Kesimpulannya, pendekatan, strategi, kaedah dan aktiviti saling berkait rapat antara satu sama lain. Antaranya ialah kesesuaian aktiviti yang terkandung di dalamnya serta penerapan aspek nilai. Ini kerana dalam falsafah pendidikan Islam, pencapaian seseorang murid itu bukan hanya diukur berdasarkan keupayaan menguasai maklumat dan isi pelajaran yang terkandung dalam sukatan pembelajaran sahaja, sebaliknya pembangunan nilai sahsiah dalam diri dan aplikasi moral terhadap persekitaran mengikut acuan pendidikan Islam juga menjadi kriteria terhadap pencapaian seseorang pelajar. Oleh yang demikian, tidak semua kaedah adalah sesuai dalam konteks pendidikan bahasa Arab.

Aspek sejarah metodologi pengajaran dan penyebaran ilmu dalam Islam juga perlu diambil kira. Persoalan apakah kaedah yang digunapakai oleh para ulama salaf tidak relevan dengan suasana sekarang harus diteliti secara saksama dan jujur. Begitu juga dengan persoalan setakat mana tahap istiqamah, konsistensi dan konsentrasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab samada di peringkat awal, pertengahan mahupun di peringkat tinggi.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Haruslah difahami bahawa mempelajari bahasa Arab jauh sekali perbezaannya dengan mempelajari bahasa Inggeris. Salah satu elemen yang penting untuk menguasai sesuatu bahasa itu ialah kemampuan bagaimana untuk berfikir dalam bahasa tersebut,

Sulaiman Ngah Razali (1977) menyatakan terdapat pelbagai kaedah mengajar bahasa Arab.

Kaedah-kaedah ini menjadi perselisihan antara pakar-pakar bahasa. Pengajaran dapat dirancang dengan berkesan jika guru atau pengajar memahami beberapa perkara penting tentang tingkah laku pelajar. Antaranya ialah:

- (1) Kelas memberi perhatian dengan segera jika kaedah baru dikemukakan.
- (2) Jika sesuatu kaedah itu dibiarkan berlaku terlalu lama pemerhatian pelajar berkurangan.
- (3) Kesanggupan suatu kaedah untuk menarik perhatian pelajar bergantung pada jenisnya.
- (4) Menukar kaedah yang dapat menarik pelajar
- (5) Lamanya perhatian yang dapat diberikan oleh pelajar terhadap sesuatu kaedah tidak dapat ditentukan.

Setiap pakar menggunakan kaedah yang berbeza antara satu sama lain. Namun terdapat empat kaedah penting dalam pengajaran bahasa Arab seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Kilani (2001). Kaedah yang dimaksudkan ialah Kaedah nahu Terjemah (*al-Qawaid wal Tajjamah*), Kaedah Langsung (*tl-Mu bas b arab*), Kaedah dengar dan tutur (*al-Sam'iyyah al- Shafawiyyah*), Kaedah Elektik (*al-Intiqaiyyah*), dan beberapa kaedah lain.

Kaedah Nahu Terjemah (al-Qawaid wal Tarjamah)

Kaedah ini juga disebut sebagai kaedah tradisional (*al-Tariqah al-Qadimah*). Ia dikenali juga sebagai kaedah meniru dan mengikut (*al-Tariqah al-Taqlidiyyah*). Antara ciri-ciri penting kaedah ini menurut Ahmad Kilani (2001) ialah:

- (1) Kaedah ini menitik beratkan kemahiran dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Kaedah ini tidak memberi penekanan terhadap aspek kemahiran berkomunikasi.
- (2) Kaedah ini menggunakan bahasa ibunda sebagai perantaraan dalam mengajar bahasa-bahasa asing. Dengan kata lain, kaedah ini menggunakan terjemahan sebagai cara paling utama dalam mengajar bahasa asing khususnya bahasa Arab
- (3) Kaedah ini menitikberatkan aspek pengajaran tatabahasa sebagai cara yang penting dalam pengajaran bahasa asing. Ia juga digunakan sebagai kaedah untuk mengukur tentang kesahan bahasa tersebut atau sebaliknya.
- (4) Guru-guru yang menggunakan kaedah ini seringkali merujuk kepada penggunaan nahu dalam ayat yang dikemukakan kepada pelajaranya,
- (5) Kaedah ini telah menerima beberapa kritikan yang di antaranya seperti berikut:
 - (a) Kaedah ini mengabaikan kemahiran komunikasi sedangkan kemahiran komunikasi ialah kemahiran yang penting dari segi penguasaan bahasa.
 - (b) Kaedah ini terlalu banyak menggunakan bahasa ibunda sehinggakan bahasa arab yang dipelajari menjadi terlalu kurang penggunaannya. Kedudukan ini menjadikan para pelajar tidak memiliki masa dan peluang yang banyak untuk mempraktikkan bahasa Arab yang dipelajari.
 - (c) Kaedah ini terlalu menitikberatkan pembelajaran nahu bahasa Arab melebihi daripada pembelajaran bahasa itu sendiri. Kajian-kajian tentang tatabahasa atau nahu sebenarnya termasuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan bahasa Arab dan tidak termasuk dari aspek pembelajaran yang menekankan kemahiran menggunakan bahasa Arab.

Kaedah Langsung (al-Mubasharah)

Sebagai usaha menolak kaedah *al-Qawa'id wal-Tarjamah*, maka lahirlah kaedah yang disebut sebagai *al-Mubasharah*. Kaedah ini memiliki beberapa ciri keistimewaan seperti berikut:

- (1) Kaedah ini memberi keutamaan kepada aspek kemahiran komunikasi menggantikan kemahiran

dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Dalam kaedah ini, bahasa pada dasarnya ialah kemahiran berkomunikasi yang menjadi alat perhubungan sesama manusia.

- (2) Kaedah ini menyetujui penggunaan penterjemahan semasa pengajaran bahasa Arab dijalankan. Mereka yang berpegang kuat kepada kaedah ini menganggap penterjemahan sebagai faktor yang akan merosakkan penguasaan bahasa asing yang sedang dipelajari.
- (3) Kaedah ini tidak memberi ruang langsung kepada bahasa ibunda semasa pengajaran bahasa Arab.
- (4) Kaedah ini menggunakan kaedah perbandingan dan perkataan seerti atau penghuraian yang cuba menggambarkan tentang perkara yang dipelajari.
- (5) Kaedah ini tidak menggunakan kaedah pembelajaran bahasa melalui pembelajaran nahu. Menurut golongan yang menggunakan kaedah ini, hukum nahu yang dipelajari sebenarnya tidak membina kemahiran yang boleh membantu mereka dalam menguasai bahasa Arab dengan baik.

Kaedah pembelajaran bahasa Arab secara *al-Mubasharah* juga menghadapi beberapa kritikan daripada sarjana-sarjana bahasa Arab. Antaranya ialah:

- (1) Kaedah ini amat menitikberatkan aspek komunikasi yang dianggap sebagai kemahiran dari segi penguasaan bahasa.
- (2) Oleh sebab kaedah ini tidak menggunakan bahasa ibunda sebagai alat membantu dalam pembelajaran bahasa Arab, maka usaha yang lebih gigih dan waktu yang lebih lama terpaksa digunakan semasa proses pembelajaran bahasa berlangsung. Sekiranya bahasa ibunda digunakan dalam batasan yang terhad, perkara ini pastilah dapat menjimatkan masa dan tenaga yang terpaksa dikorbankan semasa pengajaran bahasa Arab. Sebahagian pakar bahasa menganggap *al-Mubasharah* sebahagian kemahiran secara langsung.
- (3) Kaedah ini yang terlalu menyetujui kaedah pembelajaran bahasa menggunakan nahu, menjadikan pelajar kurang pendedahan dari aspek struktur-struktur ayat yang betul yang sangat penting dikuasai dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kaedah Dengar dan Tutur (*al-Sam'iyyah al-Shafawiyah*)

Kaedah ini muncul dalam memberi reaksi negatif terhadap kaedah *al-Qawa'id wal-Tarjamah* dan kaedah *al-Mubasharah*. Kaedah (*al-Sam'iyyah al-Shafawiyah*) juga disebut sebagai Uslub al- Jaish yang bermaksud ketenteraan. Kaedah ini dinamakan sedemikian kerana di awal penggunaannya melibatkan pengarah bahasa asing kepada tentera Amerika untuk misi menghantar mereka di beberapa negara di dunia untuk tugas tertentu semasa Perang Dunia kedua.

Di antara ciri-ciri penting kaedah pembelajaran bahasa *al-Sam'iyyah al-Shafawiyah* adalah seperti berikut:

- (1) Pada dasarnya, bahasa ialah pengucapan atau alat komunikasi. Tumpuan harus diberi terhadap aspek ini sewaktu mempelajari bahasa Arab. Ia bukan sahaja diberi keutamaan kepada kemahiran membaca dan menulis.
- (2) Dalam proses pembelajaran bahasa Arab perlulah ia dilakukan secara berperingkat-peringkat iaitu; pendengaran, percakapan, pembacaan dan penulisan. Dalam kata lain apabila seseorang itu ingin mempelajari bahasa Arab, mestilah ia mula mempelajari bahasa melalui pendengaran, disusuli seterusnya dengan mengungkapkan apa yang didengar oleh pelajar tersebut. Seterusnya membaca apa yang dicakapkan serta menulis apa yang telah dibaca.
- (3) Kaedah berkomunikasi menggunakan bahasa Arab adalah sama seperti kanak-kanak yang baru mempelajari bahasa ibundanya. Ia bermula dengan mendengar apa yang dicakapkan oleh orang lain, seterusnya menyatakan apa yang telah mereka dengari. Pada peringkat seterusnya ia akan membaca dan menulis. Ini adalah kaedah yang terbaik untuk menguasai bahasa Arab dengan

menggunakannya dalam kehidupan seharian.

Kaedah ini juga tidak terlepas dari kekurangan. Antara kekurangan yang boleh dilihat dengan ketara ialah:

- (1) Komunikasi bukanlah satu faktor yang paling penting dalam menguasai bahasa. Aspek lain juga harus diambil perhatian seperti penguasaan membaca dan menulis. Penulisan ialah gambaran bagi perkembangan bahasa itu sendiri.
- (2) Peringkat penguasaan bahasa Arab yang dikatakan bermula dari peringkat mendengar, bercakap, membaca dan menulis, tidak semestinya ia menunjukkan pemeringkatan yang tetap dan tidak berubah kerana pembelajaran menguasai bahasa Arab melalui kemahiran yang disebutkan itu boleh terjadi secara serentak tanpa memerlukan pemeringkatan satu demi satu.
- (3) Penguasaan bahasa Arab melalui kaedah komunikasi menggunakan bahasa tersebut akan menjadi lebih berkesan sekiranya bahasa itu dipelajari dan dikuasai dari aspek nahu dan lain-lain yang berkaitan dengannya. Peranan pembelajaran nahu adalah penting dalam mempelajari bahasa Arab.
- (4) Kaedah penterjemahan boleh digunakan semasa pengajaran bahasa Arab dijalankan tetapi dengan cara yang bijaksana, bergantung dari segi kesesuaian persekitaran dan masa yang diberikan.

Kaedah Elektik (al-Intiqā'īyyah)

Kaedah ini muncul sebagai menolak ketiga-tiga kaedah yang telah diterangkan di atas. Penolakan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya:

- (1) Setiap kaedah pembelajaran bahasa itu memiliki ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri. Kesemua ciri-ciri tersebut boleh dijadikan sebagai pembantu ke arah penguasaan bahasa Arab.
- (2) Kesemua kaedah pengajaran itu tidak boleh dianggap paling unggul sampai ke tahap 100 peratus berkesan. Begitu juga setiap kaedah itu tidak boleh dianggap sia-sia seratus peratus. Setiap kaedah pembelajaran bahasa memiliki kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri.
- (3) Dari keseluruhannya, ketiga-tiga kaedah pembelajaran bahasa sebenarnya saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Ia boleh diterima pakai dan menolak andaian yang menyatakan bahawa kaedah saling tersebut bercanggah antara satu sama lain.
- (4) Tidak ada satu pun kaedah tunggal pembelajaran bahasa yang sesuai bagi mencapai objektif yang pelbagai semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Tidak ada juga satu kaedah tunggal pembelajaran bahasa Arab untuk semua kumpulan pelajar, kumpulan guru dan semua aktiviti yang berlaku semasa proses pembelajaran bahasa Arab dijalankan.

Telah diutarakan empat kaedah yang boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Namun terdapat banyak lagi kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan semasa pengajaran bahasa Arab. Kaedah-kaedah ini mesti dilihat kepada keadaan persekitaran, kemudahan prasarana pembelajaran, tahap pencapaian pelajar dan bahan-bahan pengajaran seperti buku atau majalah serta beberapa aspek yang perlu dilihat oleh pengajar bahasa Arab.

Harus difahami bahawa mempelajari bahasa Arab jauh sekali perbezaannya dengan mempelajari bahasa Inggeris. Salah satu elemen yang penting untuk menguasai sesuatu bahasa itu ialah kemampuan bagaimana untuk berfikir dalam bahasa tersebut.

Kaedah Lain

Terdapat beberapa lagi kaedah yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab antaranya:

Kaedah Tematik (Tariqah Al-Maudu'iyah)

Kaedah tematik bermaksud proses sesuatu pengajaran itu adalah berasaskan satu idea besar sebagai tema sebelum dikembangkan kepada beberapa langkah kecil. Contohnya, dalam minggu pembelajaran tersebut, tema utama yang dipilih ialah berkaitan keluarga. Dalam satu slot pengajaran, ia boleh dipelbagaikan seperti nama anggota keluarga, aktiviti keluarga, perbualan bersama keluarga dan sebagainya. Bagi satu tajuk seperti keluarga ini, semua cabang pembelajaran bahasa arab boleh dipraktikkan melaluinya samada dari segi nahu (atabahasa), maqal (penulisan) atau muthola'ah. Di samping itu ia juga boleh dikaitkan dengan kaedah-kaedah lain seperti perbualan dalam situasi keluarga atau rakan sebaya di sekolah.

Kaedah Mengeja (Tariqah Al-Imla'iyah)

Kaedah mengeja atau imla'iyah ini berdasarkan cacatan sejarah adalah bentuk penyebaran ilmu yang paling penting. Kaedah ini berlaku sesudah kertas dan tulisan dihasilkan. Ia merupakan kaedah kedua selepas kaedah hafalan yang diamalkan dalam perkembangan ilmu dalam sejarah umat islam. Berdasarkan kaedah ini, murid akan menulis setiap kalimah dan ayat yang diungkapkan oleh guru mereka. Dalam sejarah Islam, kaedah ini berkait rapat dengan ijtihad para ulama. Para ulama menyampaikan pandangan dan ijtihad mereka dan disalin oleh murid masing-masing. Proses ini agak merosot menjelang abad ke 4 hijrah disebabkan merosotnya gerakan ijtihad para ulama. Tempoh ini setiap mazhab hanya bersandar kepada bahan bacaan dan rujukan mazhab masing-masing atau melakukan ilhaq berdasarkan kefahaman dan pandangan mazhab mereka.

Menjelang abad ke 9 hijrah Imam Ibnu Hajar kembali mengembangkan kaedah ini dengan mengadakan muhadarat atau kuliah beliau dalam hampir 1000 majlis dan seterusnya diikuti oleh Imam As-Suyuthi dan Syeikh Murtadha Al-Zubaidy.

Kaedah Soal jawab (Tariqah Al-Munazharah)

Kaedah soal jawab ini amat sesuai dan praktikal dalam konteks pembelajaran bahasa. Ini kerana dalam kaedah ini proses pembelajaran berlangsung dengan semua pihak memainkan peranan termasuk guru dan murid. Bermula dengan penyediaan teks perbualan yang mudah seperti ucapan aluan, terima kasih, bertanya nama atau bertanya khabar. Frasa-frasa ringkas man berzamanini mudah untuk diingat dan sesuai untuk dipraktikkan di luar bilik darjah dengan pengayaan. Walau bagaimana pun, setiap murid perlu memahami maksud setiap frasa bagi menyesuaikan dengan konteks perbualan dan kesesuaian penggunaannya.

Kaedah Latih Tubi (Tariqah Al-Mulazamah)

Kaedah latih tubi ini juga adalah bersesuaian dengan bentuk pembelajaran bahasa kerana kemahiran berbahasa perlu kepada proses mengulangi apa yang dipelajari, disebut atau ditulis. Dalam Islam, kaedah ini antara bentuk pengajaran yang awal di mana malaikat jibril menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad dengan mengulangi kalimah iqra' beberapa kali sehingga Nabi Muhammad dapat menyebutnya.

Membaca berulang kali merupakan prinsip utama dalam pengajaran berbentuk latih tubi ini. Ia amat baik terutamanya bagi tujuan meningkatkan kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Kaedah pembelajaran al-Quran secara tradisional lazimnya menggunakan kaedah ini sejak zaman berzaman dan ia amat berkesan untuk jangka masa yang panjang di samping mengukuhkan penguasaan tajwid dan dalam konteks bahasa arab ia penting dalam menjelaskan aspek nahu secara terperinci mengikut tahap pembelajaran.

Kaedah Perbandingan (Al-Qiyasiah)

Kaedah ini dimulakan dengan memperkenalkan prinsip asas dan umum sebelum dihuraikan dengan contoh-contoh serta perincian yang mendalam. Kaedah ini adalah kaedah lazim yang diguna pakai dalam sistem pembelajaran moden. Sebagai contoh kaedah ini boleh diterapkan dalam pengajaran

kaedah tatabahasa. Guru akan menjelaskan tajuk pelajaran dan kaedah seperti hukum jamak taksir. Sesudah memberi penjelasan berkenaan sifat jamak taksir dan bagaimana mengenalnya berdasarkan beberapa contoh, maka guru akan memberikan contoh tambahan untuk memudahkan murid dalam menghadapi latihan susulan.

Kaedah Induktif

Kaedah ini adalah berlawanan dengan kaedah perbandingan. Melalui kaedah ini para pelajar didedahkan dengan pelbagai contoh dan situasi serta penghuraian sebelum pergi menuju konklusi dan kesimpulan atau merujuk sesuatu hukum. Kaedah ini dapat mengalakkan murid untuk membuat kesimpulan dan rumusan sendiri sebelum dibandingkan dengan kesimpulan umum yang ditetapkan oleh guru. Kaedah ini banyak membantu murid untuk berfikir, merenung, menganalisa dan berlatih membina kesimpulan dan perinsip. Contohnya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kaedah ini turut sesuai dipraktikkan dalam pengajaran qawaid atau tatabahasa. Setelah diberikan contoh yang banyak dan murid membuat rumusan daripada apa yang boleh difahami berdasarkan contoh.

Ahmad Mohd. Salleh (1997), telah menyatakan beberapa kaedah dalam mengajar Pendidikan Islam di dalam bukunya "Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi". Walaupun kaedah yang diterangkan oleh beliau itu bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, akan tetapi ia boleh di adaptasikan untuk pengajaran bahasa Arab. Terdapat beberapa kaedah yang sesuai dan boleh juga dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antara kaedah-kaedah tersebut itu ialah Kaedah Plafalan, kaedah syarahan/kuliah, kaedah dialog, kaedah soal jawab, kaedah perdebatan, kaedah resitasi, kaedah perbincangan, kaedah pengembaraan/lawatan, kaedah halaqah, kaedah induktif, kaedah perbandingan, kaedah imlak, kaedah pemahaman, kaedah ulangan, dan kaedah latihan tubi.

KESIMPULAN

Penggunaan Model pengajaran dan pembelajaran terutama dalam pelajaran bahasa Arab amat penting bagi memastikan pembelajaran tersebut dapat dikuasai dengan baik dan mudah difahami. Terdapat pelbagai bentuk model yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab itu sendiri.

Kamarul Azmi (2007) dalam buku *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* menyatakan penggunaan model sama ada model benda hidup atau mati digunakan oleh Rasulullah S.A.W. dalam penerapan pendidikannya. Begitu juga penggunaan kaedah dan teknik yang pelbagai akan menjadikan sesuatu pengajaran itu menarik dan pelajar tidak mudah merasa bosan. Di antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara, simulasi atau kaedah pengajaran berkumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, kaedah projek dan sebagainya.

Dari keterangan yang telah dinyatakan di atas dapat dikatakan bahawa penggunaan model, teknik dan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting sekali agar sesuatu kemahiran itu dapat dicapai dan digarap dengan baik dan sistematik terutama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

RUJUKAN

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ahmad Kilani Mohamed (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*, Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Mohd Salleh (1997). *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Shah Alam, Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Sulaiman Ngah Razali (1997). *Pedagogi Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan

Pustaka

- Mok Soon Sang (1993). *Pedagogi 2 Strategi Pengajaran-Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Tesis: Noorzawani Zainal (2006), *Persepsi Pelajar Tahun 3 Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab*, UTM, Projek Sarjana Muda.
- Ee Ah Meng (1996). *Pedagogi III Pengujian dan Penilaian, Pemuliharaan Pegawai dan Pendidikan Inklusif*, Shah Alam, Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd Mohammad Marwan Ismail, Wan Moharani bin Mohamad (2009), *Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*, Nilai: USIM
- Ee Ah Meng (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamarudin Bin Jaffar. 2011. *Kaedah Mengajar Bahasa Arab*, <http://www.ppdkerian.edu.my/portal/modules.php?name=News&file=article&sid=200>, [29.9.2011]
- Mohd Anuar Ibrahim. 2000. *Teori Pembelajaran dan Pengajaran. Tugas. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia*, <http://www.scribd.com/doc/6245367/Model-Pengajaran-Dalam-Bilik-Dariah-Mohd-Anuar>, 18 Feb. 2012.